

Kesatuan Ragbi Malaysia  
A95 Jalan Tuanku Dua  
Salak South Garden  
57100 Kuala Lumpur

Tel: 7831102  
Fax: 7810469

2hb. Julai, 1993.

Penolong Pendaftar  
Wilayah Persekutuan/Selangor  
Tingkat 12, Plaza Pekeliling  
Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur

Tuan

Per:- LAMBANG BAHARU KESATUAN RAGBI MALAYSIA

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas. Di sini dimaklumkan bahawa pihak Majlis dan Ahli Gabungan Kesatuan Ragbi Malaysia (KRM) yang telah mengadakan mesyuarat Agong pada lhb. Mei, 1993 baru-baru ini, dengan sebulat suara menyetujui lambang baru KRM diganti baru dengan lambang bungaraya yang disertakan bersama.

2. Maksud-maksud serta penerangan lambang ini dinyatakan seperti di bawah ini;
  - a- Bungaraya adalah bunga yang tumbuh melata dan subur di negara Malaysia dan menjadi hiasan taman dan persekitaran perumahan. Daripada berbagai jenis dan warna bunganya, warna merah adalah warna yang selalu dikaitkan dengan bungaraya di negara Malaysia. Warna merah bagi Lambang KRM adalah melambangkan sukan yang mempunyai nilai semangat yang tinggi, lasak dan membina ketahanan mental dan fizikal.
  - b- Lima kelopak merah yang terdapat dalam lambang bungaraya adalah penghayatan kepada Rukun Negara yang lima, iaitu:
    - i- Kepercayaan Kepada Tuhan
    - ii- Kesetiaan Kepada Raja dan Negara
    - iii- Keluhuran Perlembagaan
    - iv- Kedaulatan Undang-Undang
    - v- Kesopanan dan Kesusilaan

Penolong Pendaftar  
Wilayah Persekutuan/Selangor  
Tingkat 12, Plaza Pekeliling  
Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur


---

2/...

3. Tiga helai daun hijau adalah melambangkan semangat sukan ragbi yang menjadi asas kekuatan sukan ragbi, iaitu:
  - i- Semangat setiakawan kesatuan di negara dan antarabangsa
  - ii- Semangat persaudaraan sesama pemain
  - iii- Semangat kesukanan yang tulin
  
4. Batang stamen berwarna merah yang mempunyai debu-debu kesuburan adalah lambang pengembangan dan pembangunan untuk sukan ragbi yang sentiasa meningkat dan berkembang.
  
5. Cogankata KESATUAN RAGBI MALAYSIA adalah berlatar belakangkan warna kuning emas sebagai lambang kewibawaan Kesatuan Ragbi di tanah air Malaysia dan antarabangsa.

Sekian, untuk kelulusan pihak tuan.  
Terima kaseh.

Yang berharap,

  
.....  
ABD. JALIL BIN HJ BORHANUDDIN  
Setiausaha Kehormat  
Kesatuan Ragbi Malaysia